



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

HAMPIR 60% PENDUDUK DEWASA MALAYSIA MEMANFAATKAN BANTUAN SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) TAHUN INI

Ringkasan:

- STR Fasa 4 2023 dan Rayuan STR 2023 bernilai RM2.1 bilion akan disalurkan mulai Selasa, 7 November 2023 kepada 5.5 juta penerima
- Kerajaan membelanjakan hampir RM8 bilion untuk STR 2023, memanfaatkan hampir 60% penduduk dewasa Malaysia
- Permohonan baharu dan pengemaskinian maklumat untuk STR 2024 dibuka sepanjang tahun mulai Rabu, 1 November 2023 berbanding sebelum ini, setahun sekali

Kerajaan telah menetapkan **pembayaran akhir Sumbangan Tunai Rahmah (STR) bagi tahun ini akan disalurkan sebelum perayaan Deepavali** secara berperingkat¹ mulai 7 November 2023 dengan **peruntukan berjumlah RM2.1 bilion kepada 5.5 juta penerima.**

Daripada jumlah ini, seramai **5.22 juta penerima STR sedia ada** bakal menerima bantuan tunai sehingga **RM1,200**. Turut menerima bantuan tunai di bawah STR Fasa 4 adalah lebih daripada **280,000 penerima baharu yang diluluskan untuk Rayuan STR 2023**. Mereka akan menerima sehingga RM2,500 mengikut kategori kelayakan masing-masing². Pembayaran ini merupakan bayaran akhir baki nilai yang sepatutnya diterima pada tahun ini.

“Pada tahun ini, Kerajaan membelanjakan hampir RM8 bilion untuk STR 2023 kepada 8.7 juta penerima yang memanfaatkan hampir 60% penduduk dewasa Malaysia bagi membantu mereka menangani cabaran kos sara hidup,” kata Perdana Menteri dan Menteri Kewangan YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim.

Untuk tahun 2023, proses permohonan STR hanya dibuat setahun sekali. Sebagai penambahbaikan pada STR 2024, Kerajaan akan mengambil pendekatan berbeza bagi memastikan tiada golongan yang tercicir. **Mulai 1 November 2023³, individu yang layak boleh membuat permohonan baharu dan mengemas kini maklumat mereka untuk STR 2024 sepanjang tahun.**

¹ Sila rujuk Jadual di Lampiran

² Sila rujuk Jadual di Lampiran

³ Sila rujuk Jadual di Lampiran

⁴ Sila rujuk Senarai di Lampiran

Ini bagi memastikan mereka yang layak namun tiada dalam pangkalan data Kerajaan boleh tampil mengemukakan permohonan masing-masing selain membenarkan penerima sedia ada membuat pengemaskinian sekiranya mempunyai perubahan maklumat.

Bagi mengurangkan golongan yang tercicir atau *exclusion error*, data penerima STR sedia ada akan dibawa secara automatik ke dalam pangkalan data Kerajaan. Data tersebut akan disemak silang dengan data daripada beberapa agensi Kerajaan⁴ bagi memastikan kelayakan untuk STR 2024 mengikut syarat yang ditetapkan.

Pemohon STR boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) di Portal Rasmi STR melalui pautan <https://bantuantunai.hasil.gov.my> bagi mendapatkan maklumat lanjut. Semakan status pembayaran dan kelulusan Rayuan STR boleh dibuat melalui pautan yang sama.

**Kementerian Kewangan
Putrajaya
1 November 2023**

Lampiran

1. Pembayaran STR Fasa 4 dan Rayuan akan disalurkan secara berperingkat seperti berikut:

Jenis Penerima	Tarikh Pembayaran	Kaedah Pembayaran
Mempunyai akaun bank	7 - 9 November 2023	Dikreditkan terus ke dalam akaun bank.
Tiada akaun bank (termasuk di Sabah dan Sarawak)	Mulai 7 November 2023	Pembayaran secara tunai melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN).

2. Pembayaran STR Fasa 4 dan Rayuan mengikut kategori kelayakan masing-masing seperti berikut:

Perkara	Penerima STR
Penerima STR Sedia Ada	5.22 juta penerima (isi rumah dan warga emas tiada pasangan)
Nilai Pembayaran Fasa 4	RM100-RM1,200
Penerima Rayuan STR	280,000 penerima (isi rumah/warga emas tiada pasangan/bujang)
Nilai Pembayaran Rayuan STR	RM100-RM2,500

Nota : Pembayaran Kategori Bujang STR telah diselesaikan sepenuhnya pada bayaran STR Fasa 3

3. Jadual Permohonan STR 2024 – Sepanjang Tahun

Cara Permohonan	Tarikh Permohonan	Kaedah Permohonan
Secara dalam talian	Mulai 1 November 2023	Melalui https://bantuantunai.hasil.gov.my
Secara manual/fizikal		Hadir ke: <ul style="list-style-type: none">• Pejabat LHDNM; atau• Pejabat Satelit (PS) LHDNM; atau• Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM; atau• Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM

		Dengan mengisi dan mengemukakan Borang Permohonan STR 2024.
--	--	---

4. Senarai data daripada beberapa agensi Kerajaan yang dibawa secara automatik ke dalam pangkalan data Kerajaan untuk disemak silang kelayakan STR 2024 mengikut syarat yang ditetapkan.

- Data e-Kasih, ICU, JPM;
- Data penerima bantuan JKM;
- Data penghuni Perumahan Awam/Projek Perumahan Rakyat di bawah DBKL, JWP dan KPKT;
- Data Orang Asli JAKOA;
- Data gelandangan berdaftar dengan KPWKM dan DBKL;
- Data individu berdaftar dengan Skim Insurans Pekerjaan PERKESO; dan
- Data penerima zakat atau baitulmal negeri